

Persepsi Pelajar SPI UTM Berkenaan Karamah Dan Sihir

Arieff Salleh Bin Rosman & Azubir Bin Omar

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Karamah dikurniakan oleh Allah kepada hambaNya yang soleh dan bertakwa sedangkan sihir pula diberikan oleh Allah kepada hambaNya yang fasik dan bertujuan menyesatkannya. Secara umumnya masyarakat didapati keliru dalam membezakan perkara-perkara yang luar biasa khususnya berkenaan karamah dan sihir. Oleh itu kajian ini penting untuk mengkaji persepsi pelajar SPI terhadap karamah dan sihir. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti persepsi mahasiswa SPI terhadap maksud karamah dan sihir, tindak tanduk yang berlaku dalam karamah dan sihir serta perbezaannya, dan untuk mengenalpasti penyelesaian masalah sihir di kalangan masyarakat. Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan yang timbul dalam masyarakat seperti maksud, tindak tanduk dan perbezaan serta penyelesaian masalah sihir. Kajian yang dijalankan ini berbentuk kuantitatif atau deskriptif dan penyelidik mengambil sampel seramai 115 orang pelajar dari tahun 1 hingga tahun 4 SPI. Borang soal selidik yang telah lengkap diisi oleh responden dikutip dan dianalisa menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) for window version 14.0*. Dapatan kajian ini menunjukkan purata min berkenaan persepsi mahasiswa SPI terhadap maksud karamah dan sihir adalah positif dan nilai purata minnya ialah 4.22. Maklum balas responden terhadap tindak tanduk yang berlaku dalam karamah dan sihir serta perbezaannya juga adalah positif dan nilai purata minnya ialah 4.25. Manakala persepsi mahasiswa SPI terhadap cara untuk menyelesaikan masalah sihir di kalangan masyarakat mencatat nilai purata minnya 4.68.

Katakunci : karamah, sihir, persepsi pelajar

Pengenalan

Setiap kejadian yang berlaku di alam ini adalah berpunca dari 'sebab dan akibat'. Seperti terjadinya siang hari apabila matahari terbit di sebelah Timur dan menjelangnya malam apabila matahari tenggelam di sebelah Barat. Begitu juga manusia jika merasa lapar ia kurang bertenaga dan harus makan untuk mengembalikan tenaga tersebut. Ini yang dipanggil sifat semula jadi manusia dan alam. Namun ada juga sesuatu yang berlaku di luar garisan sifat semula jadi manusia dan alam. Ia boleh berlaku atas dua perkara iaitu kemahiran atau latihan yang intensif seperti berjalan di atas seutas tali dan terbang di angkasa (kapal terbang) yang menggunakan ilmu sains. Perkara tersebut boleh diperolehi oleh setiap manusia tidak kira bangsa dan agama yang dianutinya, asalkan ia berusaha untuk menuju ke arah tersebut.

Selain itu terdapat juga kejadian luar biasa yang berlaku kepada manusia atau dapat dilakukan oleh manusia. Seperti mukjizat yang diberikan oleh Allah khusus kepada para Nabi dan para Rasul. Sebagai contoh Nabi Musa dengan tongkatnya membelah sungai Nil, Nabi Isa menghidupkan orang mati dan Nabi Muhammad saw dengan kitab Al-Quran yang mana mukjizat baginda hingga ke hari kiamat.

Manakala karamah pula diberikan oleh Allah kepada hambaNya yang soleh dan bertakwa. Dalam kehidupan di dunia ini mereka bersifat zuhud iaitu tidak sedikit merasa gerun atau takut kepada sesama manusia tetapi amat takut sekali dengan kemurkaan Allah. Malahan terdapat dalam Al-Quran yang mana hanya dengan mendengar nama 'Allah' disebut, hati mereka akan menjadi kecut.

Sihir pula diberikan oleh Allah kepada hambaNya yang fasik dan bertujuan menyesatkannya. Tambahan itu, ia juga merupakan ilmu yang dapat dipelajari dan ia lebih condong kepada perkara-perkara negatif.

Secara umumnya masyarakat didapati keliru dalam membezakan perkara-perkara yang luar biasa khususnya berkenaan karamah dan sihir. Ini kerana terdapat garis pemisah yang kabur antara keduanya. Hanya dengan ilmu agama saja yang dapat menjelaskan garis pemisah yang kabur tadi.

Pernyataan Masalah

Perkara luar biasa yang ditunjukkan oleh seseorang guru ajaran sesat adalah antara faktor merebaknya ajaran sesat di negara ini. Ini kerana kepercayaan terhadap kuasa sakti, kebolehan-kebolehan luar biasa yang dimiliki oleh mereka menjadi faktor penyebab ajaran mereka dianggap relevan oleh pengikutnya yang jahil dalam didikan agama.

Dalam masalah perbomohan pula, apabila masyarakat tidak meminta pertolongan pada pihak yang sepatutnya, tetapi yang dipinta ialah kepada bomoh-bomoh yang nyata menggunakan sihir dalam perubatannya, maka berlakulah kejadian-kejadian yang tidak diingini. Masa kini banyak kes dilaporkan yang mengaitkan jenayah rogol, mencabul kehormatan dan pelbagai jenis penipuan ke atas pelanggan-pelanggan mereka yang dianggap sebagai upah dan penggeras atas perkhidmatan yang diberikan.

Dalam kes jenayah rogol yang dilakukan oleh bomoh pula, menurut seorang lelaki yang mendakwa dirinya bomoh dihukum penjara 18 tahun dan sebatan 14 kali oleh Mahkamah Sesyen Muar, setelah didapati bersalah merogol seorang pelajar universiti di sebuah pusat peranginan di Muar. Hakim Mohamad Haldar Abdul Aziz dalam keputusannya berkata, tertuduh, Zulkifly Mustafa, 44, dari Pasir Gudang, didapati bersalah dalam kes itu selepas pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes itu melampaui keraguan munasabah (Utusan Malaysia, Selasa, 6 Februari 2007).

Dari pada masalah-masalah yang dibangkitkan, menunjukkan ketidak fahaman dan salah anggap masyarakat dalam hal yang dianggap luar biasa khususnya dalam perkara sihir. Apabila kejadian luar biasa yang berlaku ke atas guru ajaran sesat dan tok bomoh dianggap karamah walhal ianya adalah sihir, maka kekeliruan ini seterusnya dapat meruntuhkan nilai-nilai akidah dan akhirnya melemahkan institusi Islam itu sendiri. Jadi bagi menjelaskan permasalahan ini maka perlulah dijelaskan dengan lebih terperinci tentang perkara-perkara seperti karamah dan sihir agar masyarakat dapat membezakan antara perkara-perkara terpuji dan yang terlarang.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- a) Mengetahui persepsi mahasiswa SPI terhadap maksud karamah dan sihir.
- b) Mengenalpasti persepsi mahasiswa SPI terhadap tindak tanduk yang berlaku dalam karamah dan sihir serta perbezaannya.
- c) Mengenalpasti persepsi mahasiswa SPI terhadap cara untuk menyelesaikan masalah sihir di kalangan masyarakat.

Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini sangat penting amnya kepada seluruh masyarakat Islam di Malaysia khususnya kepada penyelidik sendiri, pelajar, ibu bapa, masyarakat, warga kampus Universiti

Teknologi Malaysia, Jabatan Agama Islam negeri-negeri di Malaysia, dan sebagainya. Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa kepentingan tertentu iaitu :

1. Mencadangkan kepada Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS) Universiti Teknologi Malaysia agar memasukkan tajuk karamah dan sihir dalam silibus Akidah Islamiah.
2. Bekerjasama dalam memberi cadangan kepada Jabatan Agama Islam negerinegeri di Malaysia dalam menyelesaikan permasalahan berkenaan sihir.

Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan kesemua mahasiswa Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) di UTM Skudai, Johor. Mahasiswa yang terlibat adalah mahasiswa yang mengikuti kursus ini secara sepenuh masa. Segala keputusan bagi kajian ini hanya terbatas kepada mahasiswa kursus ini sahaja dan tidak menggambarkan keseluruhan mahasiswa kursus lain di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kuantitatif atau deskriptif iaitu untuk mengetahui persepsi pelajar SPI terhadap maksud, perbezaan dan tindak tanduk yang berlaku dalam karamah dan sihir. Selain itu, kajian ini juga dijalankan adalah untuk mengetahui tanggapan pelajar SPI dalam menyelesaikan masalah sihir di kalangan masyarakat.

Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menjelaskan sesuatu fenomena (Mohd. Majid Konting, 1990). Kajian deskriptif adalah bertujuan untuk menerangkan keadaan atau perhubungan antara pembolehubah. Kajian deskriptif juga dapat menerangkan keadaan sebenar yang berlaku dalam kumpulan yang dikaji (Mohamad Najib Abdul Ghafar:1999). Reka bentuk kajian ini ialah tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Semua maklumat yang diperoleh diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditentukan dan ditafsirkan secara kuantitatif.

Populasi Kajian dan Sampel Kajian

Populasi merujuk kepada tiap-tiap ahli dalam kumpulan, manakala sampel ialah ahli daripada kumpulan yang dipilih secara rawak daripada keseluruhan populasi. Dalam kajian ini, penyelidik memilih pelajar Program Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) yang mengikuti program sepenuh masa daripada tahun 1 hingga 4 sebagai populasi, iaitu seramai 165 orang yang terdiri daripada siswa dan siswi (tidak termasuk diri penyelidik). Jumlah populasi yang terlibat dalam kajian ini dapat dilihat dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1 : Jumlah Populasi dan Tahun Program

Bil	Kursus	Jumlah
1	Tahun 1 sesi 2008/2009	16 orang
2	Tahun 2 sesi 2008/2009	61 orang
3	Tahun 3 sesi 2008/2009	42 orang
4	Tahun 4 sesi 2008/2009	46orang
Jumlah		165

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), 30 peratus daripada jumlah populasi sudah mencukupi untuk dijadikan sampel kajian. Oleh itu, penyelidik mengambil sampel seramai 115 orang pelajar (70%) dari tahun 1 hingga tahun 4. Justeru, sejumlah 115 set soal selidik akan diedarkan iaitu melebihi 30 peratus dari jumlah populasi lantaran bimbang ada set soal selidik yang tidak dikembalikan semula kepada penyelidik selepas ditanda kelak. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan bilangan responden.

Jadual 2: Bilangan Sampel Kajian

Bil	Pelajar	Bil. Populasi	Bil. Responden
1	Tahun 1 sesi 2008/2009	16 orang	6
2	Tahun 2 sesi 2008/2009	61 orang	47
3	Tahun 3 sesi 2008/2009	42 orang	31
4	Tahun 4 sesi 2008/2009	46 orang	31
Jumlah		165 orang	115 orang

Instrumen Kajian

Penyelidik menggunakan borang soal selidik untuk pengumpulan data primer sebagai instrumen kajian. Penggunaan soal selidik ini boleh menjimatkan masa dan tenaga serta dapat mengurangkan kos perbelanjaan berbanding instrumen yang lain. Di samping itu, soal selidik ini mengandungi arahan dan soalan-soalan jenis tertutup untuk dijawab oleh semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Semua data yang diperolehi akan dianalisis secara kuantitatif. Borang soal selidik ini mengandungi 3 bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D seperti yang dinyatakan dalam jadual 3 di bawah.

Jadual 3.3 : Maklumat pembahagian borang soal selidik

Bahagian	Soalan-soalan
A	Latar belakang responden
B	Persepsi pelajar SPI terhadap maksud karamah dan sihir
C	Persepsi pelajar SPI terhadap tindak tanduk yang berlaku dalam karamah dan sihir serta perbezaannya
D	Persepsi pelajar SPI terhadap cara untuk menyelesaikan masalah sihir di kalangan masyarakat

Dapatan Kajian Pelajar Berkaitan Persepsi Pelajar SPI Terhadap Maksud Karamah Dan Sihir

Nilai min tertinggi yang dicatatkan ialah sebanyak 4.57 iaitu pada item kesebelas dengan pernyataan "Sihir adalah satu amalan yang menghampirkan diri kepada syaitan untuk memohon pertolongan daripadanya". Sebanyak 113 responden bersetuju dengan item tersebut dengan nilai yang dicatatkan sebanyak 98.3%. Min kedua tertinggi dalam jadual terletak pada item 3 dengan catatan 4.55 iaitu 109 responden dengan 94.8%.

Item 8 pula menunjukkan nilai min terendah iaitu 3.71. Sebanyak 67.8% responden bersetuju, manakala 18.3% responden kurang bersetuju dan sebahagian yang lain tidak bersetuju

dengan pernyataan tersebut. Item ini berkaitan pernyataan "Sihir adalah kejadian luar biasa yang diberikan oleh Allah kepada hambaNya yang fasik".

Purata min keseluruhan bagi bahagian ini ialah 4.22. Nilai min bagi "Persepsi Pelajar SPI Terhadap Maksud Karamah Dan Sihir" berada pada tahap yang tinggi dan hal ini juga bermakna objektif pertama kajian juga pada tahap positif.

Dapatkan Kajian Pelajar Berkanaan Persepsi Pelajar SPI Terhadap Tindak Tanduk Yang Berlaku Dalam Karamah Dan Sihir Serta Perbezaannya

Item 26

mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.60. Item ini berkaitan pernyataan "Ahli sihir sentiasa mengambil keuntungan duniawi di atas sihir yang dimilikinya". Berdasarkan pernyataan tersebut 97.4% responden sangat bersetuju iaitu 112 daripada jumlah responden yang terlibat.

Item ke 16 pula menunjukkan nilai min terendah iaitu dengan nilai 3.57. Hal ini berkaitan pernyataan item seperti berikut "Karamah maknawiyah (hubungan yang istikamah dengan Allah sama ada zahir atau batin) adalah karamah yang diidamidamkan oleh setiap wali Allah". Maka dari jadual dapat dilihat bahawa hanya 60 responden yang bersetuju dengan pernyataan iaitu bernilai 52.2% daripada responden yang terlibat. Walaupun begitu, nilai ini masih lagi pada tahap sederhana.

Melihat nilai min keseluruhan bagi bahagian ini seperti yang ditunjukkan ialah 4.25. Maka dapat disimpulkan bahawa "Persepsi Pelajar SPI Terhadap Tindak Tanduk Yang Berlaku Dalam Karamah Dan Sihir Serta Perbezaannya", berada pada tahap yang tinggi daripada responden.

Dapatkan Kajian Pelajar Berkaitan Persepsi Pelajar SPI Terhadap Cara Untuk Menyelesaikan Masalah Sihir Di kalangan Masyarakat

Item ke 33 telah mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.78. Item ini berkaitan "Setiap individu perlu menjauhkan diri daripada melakukan perkaraperkara yang dianggap sihir", 100% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seterusnya min kedua tertinggi pula pada item ke 38 yang mencatatkan nilai 4.77 dengan pernyataan "Majlis agama Islam perlu membanteras aktiviti perbomohan yang mencurigakan".

Manakala item 39 mencatatkan min terendah iaitu 4.41. Pernyataan item tersebut adalah "Rancangan keagamaan di televisyen khususnya yang berkaitan permasalahan sihir perlu diperbanyak lagi. Berdasarkan item tersebut seramai 93.1% responden bersetuju, diikuti 3.5% responden berpendirian kurang setuju dan 3.5% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Walaupun begitu nilai min masih tetap berada pada tahap yang tinggi.

Nilai min keseluruhan bagi bahagian ini ialah 4.68. Ini menunjukkan bahawa "Persepsi Pelajar SPI Terhadap Cara Untuk Menyelesaikan Masalah Sihir Di kalangan Masyarakat" berada pada tahap yang tinggi dan ini bermakna objektif kajian yang ketiga mendapat respon yang positif daripada responden.

Perbincangan

Bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan, penyelidik telah menyediakan 12 item soalan untuk dijawab oleh responden. Kesemua item soalan yang dibina adalah untuk mengetahui persepsi pelajar SPI terhadap maksud karamah dan sihir.

Item yang pertama menunjukkan 64 responden (55.7%) berpendirian sangat setuju bahawa karamah adalah kejadian luar biasa yang diberikan oleh Allah kepada hambaNya yang

soleh, diikuti 48 responden (41.7%) bersetuju. Manakala 3 responden sahaja yang berpendirian tidak pasti (2.6%). Jumlah min keseluruhan ialah 4.53 dan nilai min ini berada pada tahap yang tinggi. Hal ini bertepatan dengan pandangan yang diberikan oleh Abdul Halim Mahmud (1994:137) yang menyatakan karamah adalah satu kejadian luar biasa tanpa disertai dengan dakwaan menjadi nabi dan bukan juga pendahuluan untuk menjadi nabi, dizahirkan oleh Allah kepada hambaNya yang mempunyai kepercayaan yang betul dan tetap dari sudut zahirnya. Tambahan itu, menurut Yunus (1988:9) karamah adalah suatu kejadian luar biasa yang diberikan Allah khusus bagi hambaNya yang bertakwa dan soleh.

Analisis yang dilakukan pada item ke-2 sepatimana yang dipaparkan dalam jadual pada bab sebelumnya menunjukkan nilai kekerapan dan peratusan yang sama iaitu 55 responden (47.8%) berpendirian sangat setuju dan bersetuju bahawa karamah adalah hasil dari keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. Selebihnya 5 responden sahaja yang berpendirian tidak pasti (4.4%). Jumlah min keseluruhan ialah 4.43 dan nilai min ini juga berada pada tahap yang tinggi. Hal ini dikuatkan lagi dengan pendapat yang dinyatakan oleh Muhammad Ahmad Amin (1989:265) karamah diberikan oleh Allah kepada hambaNya yang soleh, bagi membuktikan keredaan Allah terhadapnya dan penerimaan terhadap amalan yang dilakukannya.

Bagi item ke-3 menunjukkan 69 responden (60.0%) berpendirian sangat setuju bahawa karamah yang berlaku pada para aulia' berbeza dengan mukjizat yang berlaku pada para nabi, diikuti 40 responden (34.8%) berpendirian setuju. Manakala 6 responden sahaja yang berpendirian tidak pasti (5.2%). Jumlah min keseluruhan ialah 4.55 dan nilai min ini berada pada tahap yang tinggi. Hal ini bertepatan dengan pendapat yang dinyatakan oleh Ali Abdul Halim Mahmud (1994:137) yang menyatakan bahawa karamah membawa maksud satu kejadian luar biasa tanpa disertai dengan dakwaan menjadi nabi dan bukan juga pendahuluan untuk menjadi nabi.

Pada item ke-4 menunjukkan 55 responden (47.8%) berpendirian setuju bahawa karamah ialah bukti cinta Allah kepada hambaNya yang bertakwa, diikuti 46 responden (40.0%) berpendirian sangat setuju. Manakala 14 responden sahaja yang berpendirian tidak pasti (12.2%). Jumlah min keseluruhan ialah 4.28 dan nilai min ini juga berada pada tahap yang tinggi. Hal ini dikuatkan lagi dengan pendapat yang dinyatakan oleh Sayyid Qutb (2000:166) yang berpendapat Allah memberikan keistimewaan (karamah) kepada hambaNya itu iaitu untuk menunjukkan rasa cinta kepadanya dan menunjukkan kekuasaanNya yang tiada tandingan.

Seterusnya, bagi item ke-5 menunjukkan seorang iaitu (0.9%) daripada keseluruhan 115 responden berpendirian sangat tidak setuju diikuti 6 responden (5.2%) yang berpendapat tidak setuju. Sementara 27 responden (23.5%) tidak pasti dan 39 responden (33.9%) yang lebih berpandangan sangat setuju serta 42 responden (36.5%) bersetuju dengan pernyataan "Karamah bukan perkara yang ditunggu-tunggu oleh wali Allah". Nilai min item ini berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu 3.97. Hal ini menyokong pendapat yang dinyatakan oleh Rahmat (1983:174) yang menyatakan Karamah merupakan suatu kejadian luar biasa yang diberikan oleh Allah kepada hambaNya yang bertakwa dan berterusan membuat kebaikan ke jalanNya. Kewujudan karamah pada hambaNya atau lebih dikenali dengan panggilan wali Allah ini bukanlah perkara yang ditunggu-tunggu oleh mereka. Bahkan mereka sangat takut jika terjadinya karamah pada diri mereka. Hal ini kerana, ditakuti karamah yang dikurniakan itu akan memberikan kesan negatif kepada mereka contohnya merasa bangga, sompong dan riak yang akhirnya menyebabkan wali Allah itu terpesong jauh dari jalanNya.

Item yang ke-6 menunjukkan 46 responden (40.0%) berpendirian tidak pasti, diikuti 42 responden (36.5%) yang bersetuju bahawa karamah yang paling besar ialah karamah

maknawiyyah (hubungan yang istikamah dengan Allah sama ada zahir atau batin). Manakala 27 responden yang berpendirian sangat setuju (23.5%). Jumlah min keseluruhan ialah 3.83. Hal ini berpatutan dengan pendapat yang dinyatakan oleh Basri (2003:101) yang berpendapat karamah maknawiyyah ialah istikamah hamba dengan ajaran Allah baik zahir maupun batin, terbuka hijab dari hatinya, sehingga ia mengenal Allah, berjaya menawan hawa nafsunya, kuat keyakinannya terhadap Allah dan tenang dan tenteram hatinya dengan Allah. Di samping itu Ibn Ajibah berpendapat karamah yang sebenar ialah istikamah di atas prinsip agama dan terhasilnya kesempurnaan keyakinan.

Analisis yang dilakukan pada item ke-7 sepertimana yang dipaparkan dalam jadual pada bab sebelumnya menunjukkan 2 responden iaitu (1.7%) daripada keseluruhan 115 responden berpendirian sangat tidak setuju diikuti 3 responden (2.6%) yang berpendapat tidak setuju. Sementara 33 responden (28.7%) tidak pasti dan 33 responden juga (28.7%) berpandangan sangat setuju serta 44 responden (38.3%) bersetuju dengan pernyataan "Karamah Hissiyyah ialah kejadian luar biasa yang dapat dilihat dengan mata kasar seperti kebolehan berjalan di atas air dan sebagainya". Nilai min item ini berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu 3.90. Hal ini dikuatkan lagi dengan pendapat yang dinyatakan oleh Basri (2003:101) yang berpendapat Karamah hissiyyah adalah kejadian luar biasa yang dapat dilihat dengan mata kasar seperti kebolehan berjalan atas air, terbang di udara, mendekatkan perjalanan yang jauh, meneroka alam ghaib dan lain-lain lagi.

Bagi item ke-8 menunjukkan 7 responden iaitu (6.1%) berpendirian sangat tidak setuju diikuti 14 responden (12.2%) yang berpendapat tidak setuju. Sementara 16 responden (13.9%) tidak pasti dan 32 responden (27.8%) berpandangan sangat setuju serta 46 responden (40.0%) bersetuju bahawa sihir adalah kejadian luar biasa yang diberikan oleh Allah kepada hambaNya yang fasik. Nilai min item ini adalah 3.71. Hal ini bertepatan dengan pendapat yang dinyatakan oleh Wahid (1995:112) bahawa Ibn Hajar al-'Asqalani menyatakan majoriti ulama' (masing-masing bersepakat) sihir akan terjadi apabila ia digunakan oleh orang yang fasik. Pendapat Ibn Hajar al-'Asqalani ini menerangkan sihir ini dijalankan atau dilaksanakan bagi mereka yang fasik dan sesat dari jalan Allah S.W.T.

Pada item ke-9 menunjukkan 2 responden iaitu (1.7%) daripada keseluruhan 115 responden berpendirian sangat tidak setuju diikuti 5 responden (4.4%) yang berpendapat tidak setuju. Sementara 6 responden (5.2%) tidak pasti dan 36 responden (31.3%) yang lebih berpendapat sangat setuju serta 66 responden (57.4%) bersetuju dengan pernyataan "Sihir adalah sebahagian daripada amalan popular dalam dunia perubatan tradisional". Nilai min item ini berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.12. Hal ini disokong oleh pendapat yang dinyatakan oleh Rahmat (1983:181) iaitu ilmu sihir telah wujud sejak zaman dahulu lagi dan ia digunakan untuk menyembuhkan penyakit yang di luar kemampuan doktor-doktor moden untuk menyembuhkannya. Seterusnya, bagi item ke-10 menunjukkan seorang responden iaitu (0.9%) berpendirian tidak setuju dan seorang responden juga (0.9%) yang berpendapat tidak pasti. Sementara 43 responden (37.3%) sangat setuju dan 70 responden (60.9%) bersetuju bahawa sihir adalah sejenis ilmu ghaib yang boleh menyakiti atau mempesonakan manusia. Jumlah min keseluruhan ialah 4.35 dan nilai min ini juga berada pada tahap yang tinggi. Hal ini bertepatan dengan pendapat yang dinyatakan oleh Wahid (1997:9) bahawa sihir adalah mengeluarkan sesuatu dalam bentuk penampilannya yang terbaik sehingga sesuatu itu mempersona dan mengagumkan bagi orang yang memandang.

Item ke-11 menunjukkan 2 responden (1.7%) berpendirian tidak pasti, diikuti 46 responden (40.0%) bersetuju bahawa sihir adalah satu amalan yang menghampirkan diri kepada

syaitan untuk memohon pertolongan daripadanya. Manakala 67 responden yang berpendirian sangat setuju (58.3%). Jumlah min keseluruhan ialah 4.56. Hal ini dikuatkan lagi dengan pendapat yang dinyatakan oleh Wahid (2001:17) bahawa al- Azhari mengatakan sihir adalah suatu perbuatan yang dapat mendekatkan diri pelakunya pada syaitan. Iaitu ia akan mendapatkan bantuan dari syaitan tersebut.

Analisis yang dilakukan pada item ke-12 sepertimana yang dipaparkan dalam jadual pada bab sebelumnya menunjukkan seorang responden iaitu (0.9%) berpendirian tidak setuju diikuti 6 responden (5.2%) yang berpendapat tidak pasti. Sementara 49 responden (42.6%) setuju dan seramai 59 responden (51.3%) berpandangan sangat setuju bahawa sihir adalah memesongkan sesuatu perkara yang sebenar kepada sesuatu yang palsu. Nilai min item ini adalah 4.44. Hal ini disokong oleh pendapat yang dinyatakan oleh Wahid (2001:17) bahawa al-Azhari berpendapat asal perkataan sihir bermaksud mengubah hakikat sesuatu kepada hal lain. Seakan-akan ketika seorang ahli sihir menyaksikan suatu kebatilan dalam bentuk kebenaran, atau ketika ia membayangkan sesuatu yang bertentangan dengan hakikatnya.

Rujukan

- Ali Abdul Halim Mahmud. 1994. *Fahm Usul Al-Islam*. Kaherah. Dar At-Tauzi' Wa An-Nasyri Al-Islamiyah.
- Ar-Razi Al-Ahmadi. 2000. *Sihir Dan Perkara Berkaitan Dengannya*. Selangor. Pustaka Ilmi.
- Bukhari. Kitab al-Wasoya. *Bab wa ma lilwasyyi an ya'mala fi mali al- yatimi wa ma ya'kulu minhu bi qadri minhu bi qadri u'malatihi*. No: 2766.
- Ensiklopedia Global. Edisi milenium. 2001. Jilid 18. Kuala Lumpur.
- Mohd. Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhibbuddin Waly. 2002. *Hakikat Hikmah Tauhid Dan Tasauf*. Singapura. Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Noresah Baharom (DKK). 1996. *Kamus Dewan*. Ed. 3. Cet. 2. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmat SH. 1983. *Pencemaran Akidah Di Nusantara*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayyid Qutb. 2000. *Tafsir Fi Zilalil Quran Di Bawah Bayangan Al-Quran*. Terj. Yusof Zaki Haji Yacob. Kota Bharu. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Siti Khairiah Parlan. 1990. *Sihir Dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat Tradisional Melayu : Suatu Kajian Dalam Masyarakat Melayu Dan Perbandingan Dengan Masyarakat Lain Di Daerah Klang*. Latihan Ilmiah. Selangor. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Unaizah Zakaria. 1998. *Amalan Sihir Dalam Masyarakat Melayu Di Taiping, Perak*. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Wahid Abdul Salam Bali. 1995. *Sihir Dan Guna-guna : Cara Mencegah Dan Merawatnya menurut Islam*. Kuala Lumpur. Syarikat Nurulhas.
- Wahid Abd Salam Bali. 1996. *Bagaimana Menentang Ilmu Hitam*. Terj.Ustaz Daud Mohd Salleh. Cet. 2. Johor Bharu. Al-Masyhur Sdn. Bhd.
- Yunus Ali Al-Muhdar. 1988. *Kumpulan Kisah Keramat Para Wali*. Semarang. CV. Toha Putra.